

Analisis Kata Ganti Nama Diri Dalam Hikayat Sultan Ibrahim Ibn Adham

An Analysis Of Pronouns In Hikayat Sultan Ibrahim Ibn Adham

Anis Shahirah Sabarudin

¹Kartini Abd. Wahab

Program Pengajian Bahasa Melayu
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: kartini@ukm.edu.my

ABSTRAK

Karya sastra Melayu lama merupakan khazanah bahasa dan sastra yang memaparkan ciri-ciri bahasa yang tersendiri berbeza dengan bahasa Melayu kini. Kelainan ciri bahasa ini bukan sahaja dari aspek leksikon dan sintaksis, malah meliputi aspek penggunaan kata ganti nama diri (KGND). Sehubungan itu, kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan KGND dalam teks Hikayat Melayu lama. Kertas kerja ini akan memfokuskan perbincangan tentang (i) bentuk KGND dan (ii) menganalisis kekerapan jenis KGND dalam teks hikayat Melayu lama. Metodologi kajian ini berbentuk analisis deskriptif dan analisis kuantitatif. Data kajian ini adalah bersumberkan teks Antologi Enam Hikayat, susunan Rusell Jones dan teks ini diusahakan oleh Mohd. Yusof Md. Nor. Pengkaji memberi fokus kepada satu hikayat dalam antologi Enam Hikayat ini seperti tajuk tertera. Dapatan kajian menunjukkan bentuk KGND pertama, kedua dan ketiga digunakan dalam teks hikayat lama. Dari aspek kekerapan pula, didapati bahawa '-nya' merupakan KGND ketiga yang tertinggi digunakan dalam teks hikayat iaitu sejumlah 39%, diikuti oleh KGND ketiga iaitu 'baginda' sejumlah 13% dan KGND pertama sejumlah 10% iaitu '-ku' dan 'hamba'. Implikasi kajian ini menjelaskan bahawa terdapat kepelbagaian bentuk KGND dan perbezaan kekerapan penggunaan KGND dalam teks Antologi Enam Hikayat. Hal ini dipengaruhi oleh faktor perbezaan taraf sosial lapisan masyarakat Melayu lama.

Kata kunci: kata ganti nama diri, antologi Enam Hikayat, bahasa Melayu klasik, teks Melayu lama, Bahasa Melayu

ABSTRACT

The old Malay literature is a treasure of language and literature that displays the characteristics of the language that is different from the current Malay language. The difference in the characteristics of this language is not only from the aspect of lexicon and syntax, but also covers the aspect of the use of personal pronouns (KGND). Accordingly, this paper aims to analyze the use of KGND in the old Malay Hikayat text. This paper will focus the discussion on (i) the form of KGND and (ii) analyze the frequency of KGND types in old Malay hikayat texts. The methodology of this study is in the form of descriptive analysis and quantitative analysis. The data of this study is sourced from the text of Enam Hikayat Anthology, arranged by Russell Jones and this text was prepared by Mohd. Yusof Md. Nor. The researcher focuses on one story in the Enam Hikayat anthology as the title says. The findings of the study show that the first, second and third forms of KGND are used in old saga texts. From the aspect of frequency, it was found that '-nya' is the third highest KGND used in the text of the story which is a total of 39%, followed by the third KGND which is 'baginda' a total of 13% and the first KGND which is a total of 10% which is '-ku' and 'hamba'. The implications of this study explain that there is a variety of

forms of KGND and differences in the frequency of use of KGND in the text of the Enam Hikayat Anthology. This is influenced by the difference in the social status of the old Malay society.

Keywords: *personal pronouns, Enam Hikayat anthology, classic Malay language, old Malay texts, Malay language*

1. Pengenalan

Kata ganti nama adalah kata yang berdiri di tempat kata nama. Kata ganti nama (akan ditulis sebagai KGN selepas ini) boleh berfungsi pada subjek dan objek ayat. Kata ganti nama pada amnya memasuki sistem tertutup dan KGN ini boleh dibahagikan kepada dua golongan iaitu kata ganti nama diri dan kata ganti nama tanya (Tatabahasa Dewan). Walaupun subgolongan ini mempunyai dua bahagian, pengkaji akan memberi fokus kepada kata ganti nama diri (akan ditulis sebagai KGND selepas ini) sebagai kajian utama pengkaji. Kata ganti nama diri ialah kata yang menggantikan kata nama manusia, dan secara terbatas kata nama yang lain. KGND manusia boleh dilihat dari segi penggunaannya dalam konteks sosiolinguistik dan konteks nahu. KGND ini dibahagikan kepada tiga sistem diri iaitu diri pertama, diri kedua dan diri ketiga.

Kata ganti nama diri ini bukan sahaja melibatkan dalam bidang sintaksis tetapi juga dalam bidang sosiolinguistik. Definisi secara ringkas sintaksis iaitu dalam jurnal Surinti Nafinuddin, kata sintaksis berasal daripada bahasa Yunani iaitu *sun* yang bererti “dengan” dan kata *tattein* yang bererti “menempatkan”. Jadi secara etimologi, bererti menempatkan bersama-sama kata-kata menjadi kelompok kata atau kalimat. Turut dibincangkan di dalam jurnal ini tentang struktur sintaksis yang terdiri daripada susunan subjek (S), predikat (P), Objek (O), dan Keterangan (K) yang berkenaan dengan fungsi sintaksis. Sedangkan pelaku, penderita dan penerima berkenaan dengan peran sintaksis.

Menurut Kamus Dewan (Edisi Keempat 2007: 684) kata ganti nama didefinisikan sebagai kata yang menjadi ganti kepada kata nama (dan menunjukkan atau merujuk kepada orang, haiwan atau sesuatu misalnya dia, ia dan mereka). Menurut Tatabahasa Dewan (Edisi Ketiga, 2010: 103) kata ganti nama diri orang dalam bahasa Melayu ialah jenis ganti nama yang merujuk kepada manusia yang terdiri daripada tiga kategori iaitu:

1. Ganti nama diri orang pertama: saya, aku, beta, patik, kami, kita.
2. Ganti nama diri orang kedua: saudara, kamu, awak, engkau, anda
3. Ganti nama diri orang ketiga: ia, dia, beliau, mereka

Asmah Haji Omar (2009: 86) membincangkan kata ganti nama diri orang mengikut bentuk dan fungsi. Kata ganti nama diri orang mempunyai bentuk mufrad iaitu satu (saya, aku, awak, kamu, engkau, dia, ia dan bentuk jamak yakni lebih daripada satu (kami, kita, mereka). Kata-kata tertentu dalam diri mufrad terbahagi kepada bentuk utuh dan bentuk lemah atau klisis. Bentuk utuh terdiri daripada aku, kamu, engkau, dia dan ia manakala bentuk lemah atau klisis pula ialah ku, mu, kau, -nya. Dalam sesuatu ayat, kata ganti nama diri orang boleh berfungsi pada subjek, objek, penyambut dan bahagian dalam adverbial.

Pengkaji akan menggunakan kajian teks iaitu hikayat antologi enam hikayat. Teks ini terdiri daripada enam hikayat yang mempunyai ceritanya tersendiri. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, hikayat didefinisikan sebagai cerita (khususnya cerita-cerita lama), cerita-cerita lama dalam bentuk prosa. Hikayat ini juga boleh dikatakan sebagai riwayat atau sejarah. Kajian Khadijah iaitu Hikayat Indra Budiman memberi erti pada definisi hikayat dari sudut pandangan

pengkaji Indonesia. Beliau menyatakan bahawa hikayat adalah jenis sastera Melayu lama Indonesia ditulis oleh pujangga untuk mengekspresikan buah fikirannya lalu dituangkan dalam bentuk prosa dengan menggunakan bahasa Melayu, berisi cerita rekaan bukan peristiwa sebenarnya berfungsi sebagai pelipur lara. Pengertian ini berbeza dengan pandangan Aceh yang menyatakan bahawa karya sastera ini dikarang oleh pujangga ulama, menggunakan bahasa Aceh disusun dalam bentuk puisi sajak, isinya bukan fiksi dan legenda semata akan tetapi pendidikan moral dan ajaran agama. Fungsi karya ini adalah sebagai pembangkit semangat jihad, estetik, hiburan, pendidikan dan pembanterasannya buta huruf. Fokus teks yang dipilih adalah Hikayat Sultan Ibrahim Ibn Adham. Hikayat ini disusun oleh Rusell Jones dan diusahakan oleh Mohd Yusof. Md. Nor. Kajian ini akan mengenalpasti bentuk KGND dan menganalisis kekerapan jenis KGND dalam teks hikayat Melayu lama.

2. Tinjauan Literatur

2.1 Trend Ganti Nama Diri Bahasa Melayu dalam Konteks Media Sosial

Kajian ini telah dilakukan oleh Maslida Yusof. Penelitian yang dijalankan ini dilakukan untuk meneliti kata ganti nama diri dalam kalangan pengguna media sosial. Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji lepas memperlihatkan bahawa KGN ini digunakan sebagai komunikasi yang digunakan untuk menggantikan nama diri yang melibatkan penutur, pendengar dan sasaran. Medium yang digunakan oleh pengkaji lepas merupakan aplikasi Whatsapp yang merupakan aplikasi komunikasi dalam maya. Aplikasi ini menghubungkan kita dengan yang dekat dan jauh tanpa perlu menggunakan surat sebagai alat perhubungan. Kajian ini berpandu pada Tatabahasa Dewan sebagai panduan pengkaji. Berdasarkan kepada kajian ini, didapati bahawa terdapat empat bentuk kata ganti nama diri dalam perbualan pengguna Whatsapp iaitu kata ganti nama diri pertama iaitu penutur, kata ganti nama diri kedua (pendengar), kata ganti nama diri ketiga (sasaran) dan kata ganti nama diri kosong. Selain itu, pengkaji juga menemui tiga bentuk kata ganti nama diri yang menjadi trend dalam aplikasi Whatsapp iaitu kata ganti nama diri singkatan, kata ganti nama diri dialek dan kata ganti nama diri kontemporari. Pengkaji juga menjelaskan bahawa kata ganti nama diri ini dipengaruhi oleh faktor kemesraan dan kesesuaian.

2.2 Kata Ganti Nama Diri Orang dalam Bahasa Cina dan Bahasa Melayu: Satu Analisis Kontrasif

Kajian ini dilakukan oleh Tan Tiam Lai dan Norul Haida Bt Redzuan. Kajian Kata Ganti Nama diri orang antara dua bahasa ini dilakukan untuk melihat persamaan dan perbezaan dalam penggunaan KGN diri orang ini dalam kalangan pelajar-pelajar berbangsa Melayu yang mempelajari bahasa Cina. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kontrasif terhadap KGN bagi bahasa Cina dan Bahasa Melayu dengan membuat perbandingan penggunaan KGN ini bagi kedua-dua bahasa. Hasil yang didapati menunjukkan bahawa banyak persamaan dan perbezaan dalam KGN diri orang dalam konteks nahu. Malah pelajar-pelajar ini dapat memahami dan memberi perhatian semasa mempelajari penggunaan KGN diri orang dalam Bahasa Cina sebagai bahasa kedua.

3. Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan satu cabang penting dalam sesuatu kajian. Metodologi ini juga

merupakan cara ilmiah untuk mendapatkan data yang mempunyai tujuan dan kegunaan. Jika cara yang digunakan itu tidak sesuai pastinya keberhasilan sesuatu kajian itu tidak berjaya. Bahagian ini akan menerangkan cara bagaimana sesuatu proses kajian itu bermula hinggalah sampai ke proses terakhir. Dalam tesis sarjana Siti Nur Syahidah 2021, Menjurut Mintzberg (1973) metodologi yang digunakan akan menghasilkan keputusan yang berbeza dan tindakan yang berbeza. Oleh itu, bagi memperoleh data yang diperlukan dalam kajian analisis kata ganti nama diri dalam hikayat antologi hikayat enam hikayat ini, dua kaedah telah digunakan iaitu kaedah keputusan dan kaedah analisis teks.

Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah deskriptif iaitu dapatan yang dihuraikan dengan jelas ini akan dianalisis secara analisis deskriptif. Kajian secara analisis deskriptif terhadap kajian teks bagi antologi enam hikayat ini sangat sesuai kerana proses untuk mengenalpasti KGND dalam teks lama ini lebih mudah untuk dikaji memandangkan teks pada zaman dahulu ini mempunyai KGND yang tersendiri dan proses untuk menganalisis penggunaan KGND akan lebih mudah. Data daripada kajian teks ini sesuai dianalisis menggunakan kajian deskriptif dan sama sekali tidak sesuai untuk dianalisis menggunakan kaedah borang soal selidik kerana rujukan pengkaji hanya berdasarkan kepada satu rujukan iaitu teks hikayat enam hikayat. Kajian ini juga tidak sesuai untuk pengkaji turun lapangan memandangkan kajian ini tidak memerlukan informan dalam kajian. Oleh itu, kajian yang sesuai yang dijalankan oleh pengkaji adalah berdasarkan analisis deskriptif. Tambahan lagi, analisis yang sesuai juga untuk penambahan sesuai dengan kajian pengkaji adalah analisis kekerapan penggunaan KGND berdasarkan jadual.

Kajian secara analisis deskriptif ini di mana pengkaji akan melihat dan menyenaraikan KGND yang terdapat dalam hikayat ini. Kemudian, pengkaji akan menganalisis KGND yang terdapat dalam teks tersebut untuk menentukan bentuk penggunaan KGND yang terdapat dalam teks. Seterusnya, setelah dapatan analisis telah dibuat pengkaji akan membuat membuat huraian secara deskriptif kepada bentuk KGND teks berkenaan dan seterusnya mengklasifikasikan kepada bentuk mufrad dan jamak. Seterusnya, pengkaji akan menganalisis kekerapan dalam bentuk jadual untuk melihat kekerapan tertinggi penggunaan KGND dalam teks hikayat ini. . Dengan cara ini, data yang akan pengkaji dapat adalah suatu data yang asli dan autentik.

3.1 Kajian Kepustakaan

Kaedah ini dilakukan untuk memperoleh kosa ilmu kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang akan dihasilkan ini. Sebelum kajian ini dilakukan dengan lebih mendalam, pengkaji telah mencari dan mengumpul bahan dan rujukan yang berkaitan dengan kajian kata ganti nama berdasarkan hikayat enam hikayat berfokus kepada Hikayat Sultan Ibrahim Ibn Adham. Antara bahan yang menjadi panduan kepada pengkaji iaitu artikel kajian lepas oleh para sarjana dan ahli ilmiah, buku-buku seperti Tabahasa Dewan, teks hikayat sebagai rujukan utama, tesis dan lain-lain. Bahan-bahan ini didapati melalui perpustakaan dan laman sesawang yang berkaitan sebagai *UKM Journal*, *Google Scholar*, *Resarchgate* dan lain-lain.

Pembacaan seperti artikel, jurnal, buku, tesis dan lain-lain yang berkaitan amat membantu pengkaji dalam membuat kajian terutama dalam mencari idea-idea baru untuk penghasilan kajian yang berkualiti dan memberi impak positif dalam bidang kajian yang dilakukan. Berdasarkan kajian lepas, pengkaji dapat menganalisis kajian terdahulu yang relevan dengan kajian yang akan dilakukan agar kajian pengkaji ini memberi sumbangan kepada masa hadapan dengan menjadi rujukan pada penghasilan kajian baru. Tambahan itu, menjadi salah satu antara kajian yang dapat mengisi kelompongan kajian lepas. Kebanyakan bahan rujukan diperoleh secara atas talian memandangkan keterhadan kajian dilakukan dalam

bidang ini namun ia bukanlah satu penghalang untuk pengkaji mendapat maklumat dan sumber rujukan kerana dunia tanpa maya itu tiada sempadan dan bahan rujukan itu boleh diakses di mana-mana sahaja. Oleh itu, pengkaji menggunakan kemudahan teknologi yang ada untuk menghasilkan kajian tesis ini.

3.2 Pendekatan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis deskriptif. Pendekatan secara analisis deskriptif ini dilakukan kerana pengkaji mendapati bahawa pendekatan ini mendeskripsikan analisis kata ganti nama diri terutama dalam teks hikayat.

3.3 Pemaparan Data

Data yang telah dianalisis akan dipaparkan pada bahagian ini dalam bentuk jadual agar deskriptif ini boleh dilihat dengan lebih mudah dan jelas. Sebelum itu, pengkaji akan menyenaraikan dahulu data-data KGND yang terdapat dalam teks hikayat Enam Hikayat kepada kategori KGND yang telah ditemui. Seterusnya, pengkaji akan menganalisis data yang didapati itu dan kemudiannya membahagikan kepada KGN kepada bentuk-bentuk penggunaan KGND. Setiap KGND yang dijumpai akan ditebalkan agar memudahkan pembacaan pembaca melihatnya. Setelah itu, pengkaji akan memberikan sebab mengapa KGND yang ditebalkan itu merupakan KGND pertama, kedua dan ketiga atau mungkin digunakan secara penerangan adverba. Setelah itu, pengkaji akan menganalisis kekerapan penggunaan KGND dalam teks hikayat untuk menentukan kekerapan tertinggi dalam kajian yang diperoleh.

Secara keseluruhannya, metodologi kajian merupakan suatu bahagian yang penting dalam sesebuah kajian. Hal ini adalah kerana bahagian ini menjadi panduan asas kepada pembaca untuk mengetahui kata kunci pada sesebuah kajian memandangkan di sini teknik kajian dibincangkan. Tambahan lagi, tanpa kaedah kajian, sesebuah penyelidikan itu tidak akan menjadi jelas kerana seperti yang dikatakan tadi, bahagian ini merupakan bahagian penting kerana berfungsi menghuraikan proses-proses data dikumpul, cara data diolah, bagaimana pengkaji mendapatkan data kajian dan cara data dianalisis berdasarkan pendekatan yang dinyatakan. Oleh hal yang demikian, pembaca akan mengetahui serba sedikit tentang kajian pengkaji. Harapan pengkaji agar pembaca dapat memahami kajian yang ditulis dan seterusnya memberikan kejelasan kepada pembaca tentang kajian yang dilakukan.

4. Dapatan Dan Perbincangan

4.1 Mengenalpasti bentuk Kata Ganti Nama Diri

Dapatan kajian mendapati bahawa terhadap tiga bentuk kata ganti nama yang terdapat dalam kajian ini. Kata ganti nama diri yang terdapat di dalam kajian ini adalah kata ganti nama diri yang pertama, kedua dan ketiga. Kajian ini akan dipersembahkan dalam jadual dan dianalisis berdasarkan analisis deskriptif.

4.1.1 Kata Ganti Nama Diri Pertama

Kata ganti nama diri pertama ini ada yang berbentuk mufrad dan ada yang berbentuk jamak. Mufrad bermaksud bersifat satu dan jamak bermaksud banyak. Kata ganti nama diri mufrad ini disenaraikan sebagai aku, -ku, daku, patik dan hamba manakala kata ganti nama diri jamak disenaraikan sebagai patik sekalian.

Jadual 1: Kata Ganti Nama Diri Pertama Mufrad

No		Ayat	m/s
1	Aku	“Betapa gerangan ibuku bercintakan aku kerana anaknya hanya seorang dan bapaku pun tiada lagi kembali.	21
2	-ku	Apabila didengar Syeikh Ismail dan Miftah al-Arifin dan Siti Saleha maka kata Syarif Hassan “Tinggallah anak ku baik-baik, insyaallah di akhirat dipertemukan Allah Taala antara aku dan anak ku .	8
3	daku	Setelah sampai Rasulullah ke rumah Fatimah, maka ditepek oleh Rasulullah pintu seraya berkata, hai anak ku bukakan aku pintu agar diberi izin akan daku masuk supaya aku masuk. Apabila tiada engkau beri izin akan daku masuk supaya aku kembali ke sana aku membawa seorang sahabatku.	9
4	Patik	Maka sembahnya “Ya Tuanku Syah Alam, tiadalah patik berasa lapar atau dahaga.	3
5	Hamba	Maka kata Fatimah, hai ayahanda betapa hal hamba tiada bagi hamba pakaian, hanya sehelai. Jikalau tuanku masuklah, yang turut tuanku, jangan.	9

Kata Ganti nama diri pertama iaitu aku, -ku, daku, patik dan hamba merupakan kata ganti nama diri pertama yang bersifat mufrad. Berdasarkan jadual di atas, di dapati bahawa terdapat varisasi bagi kata ‘aku’. ‘-ku’ dan ‘daku’ masing-masing membawa maksud milik seseorang namun penggunaan -ku dalam contoh adalah berbentuk klitik manakala daku merupakan kata daripada kata lama. ‘Aku’ di sini merujuk kepada sudut pandang pertama, ‘-ku’ daripada kata ‘anakku’ merujuk kepada Siti Saleha yang merupakan anak Syarif Hassan dan ‘daku’ merujuk kepada Rasulullah ketika membahasakan dirinya di hadapan Fatimah.

KGND 1 ini juga menerangkan penggunaan ‘patik’. ‘Patik’ di jadual merujuk kepada dialog antara Tuanku Syah Alam dengan seorang saudagar. Memandangkan saudagar itu berbicara dengan seorang raja. Maka, penggunaan patik digunakan kerana taraf sosial saudagar itu berbeza dengan raja. Begitu juga dengan penggunaan ;hamba’. Namun konteks di sini berbeza kerana Fatimah yang merupakan anak rasulullah menggunakan hamba kerana status Nabi Muhammad sebagai rasulullah. Beliau membahasakan dirinya hamba kerana pangkat rasulullah sangat tinggi.

4.1.2 Kata Ganti Nama Diri Pertama Jamak

Jadual 2: Kata Ganti Nama Diri Pertama Jamak

No		Ayat	m/s
1	Patik sekalian	Maka sembah Wazir al-Alam, “Tiadalah sampai hati patik sekalian melepaskan tuanku berangkat seorang diri kalau-kalau ditengah jalan berjumpa orang jahat.	27

Bahagian ini menerangkan KGND 1 secara jamak. Penggunaan patik sekalian ini bermaksud jamak kerana ia tidak hanya mewakili dirinya sahaja tetapi turut mewakili keseluruhan orang berada di situ seperti dalam jadual 1.2 yang mana Wazir al-Alam mewakili dirinya dan rakyat di negeri Iraq memujuk Tuan Tahir untuk tidak pergi dari negeri tersebut.

4.1.3 Kata Ganti Nama Diri Kedua

Pada bahagian ini didapati bahawa KGND 2 menunjukkan penggunaan Tuanku, Engkau, Tuan Hamba dan –mu. Penggunaan Tuanku ini adalah merujuk bagaimana saudagar dari Yaman memberi rujukan ‘Tuanku’ kepada Raja Syah Alam. Gelaran tuanku itu merujuk kepada gelaran yang diberikan kepada raja namun diucapkan oleh orang kedua dan bukan pada dirinya. Kata ‘engkau’ seperti dalam jadual 1.3 menunjukkan rujukan diberikan kepada lawan bicara iaitu Tuanku Syah Alam kepada lelaki yang beliau temui iaitu saudagar yang telah dirompak dan diikat oleh perompak. Bagi kata ‘Tuan Hamba’ merujuk kepada gelaran yang merujuk kepada pertanyaan kepada pembicara kedua yang mana Muhammad Tahir bertanyakan kepada seorang fakir yang ternyata orang berkenaan ialah ayahnya, Sultan Ibrahim Ibn Adham. Bagi kata ‘-mu’ dalam ‘bondamu’ itu menunjuk bagaimana bonda itu merupakan ibu Muhammad Tahir dan miliknya seperti yang dinyatakan oleh ayah beliau iaitu Tuanku Syah Alam. Keseluruhan ini merujuk kepada penggunaan bahasa di istana.

4.1.4 Kata Ganti Nama Diri Ketiga

Jadual 3: Kata Ganti Nama Diri Ketiga

No		Ayat	m/s
1	baginda	Ini hikayat ada seorang raja negeri Iraq bernama Sultan Ibrahim Ibn Adham Wali Allah, terlalu besar takhta kerajaan baginda itu.	1
2	-nya	Baginda ikut daripada belakang burung itu, lalu dipanah bagind 2dari atas kudanya beberapa kali.	

Kata baginda di sini merujuk kepada Sultan Ibrahim Ibn Adham. Kata ini menjadi KGND 3 kerana merujuk kepada orang yang diperkatakan. ‘Baginda’ ini merupakan KGND 3 mufrad yang bersifat perseorangan. Bagi –nya ini berdasarkan jadual 1.4 penggunaan –nya mempunyai variasinya tersendiri. Yang mana pada contoh ‘–nya’ yang pertama merujuk kepada kuda tersebut merupakan milik kepada Sultan Ibrahim manakala contoh kedua merujuk kepada nama khas yang merujuk kepada Tuhan. Bagi ‘dia’ dan ‘ia’, kedua-dua ini juga variasi bagi kata asal dia. Kedua-duanya merujuk kepada KGND 3 iaitu sudut pandang orang ketiga dalam berbicara. Di sini, kata ‘ia’ lebih banyak digunakan kerana ‘ia’ bersifat neutral dan boleh digunakan pada objek yang bernyawa seperti haiwan.

4.1.5 Kata Ganti Nama Diri Ketiga Jamak

Dapatan kajian bagi KGND 3 berbentuk jamak ini iaitu raja sekalian menunjukkan

jamak kerana penggunaan sekali sudah bersifat banyak. Berdasarkan contoh di atas, ‘raja sekalian’ sudah menunjukkan penggunaan KGND 3 yang menggantikan nama bagi wazir yang memegang jawatan raja di negeri tersebut. KGND 3 bagi mereka boleh dilihat pada jadual 1.5 yang memberi maksud bahawa mereka itu terdiri daripada menteri, wazir, hulubalang dan lain-lain.

4.2 *Menganalisis kekerapan jenis KGND dalam teks hikayat Melayu lama.*

Dapatan kedua ini akan menganalisis kekerapan jenis KGND dalam teks hikayat Melayu lama iaitu Hikayat Sultan Ibrahim Ibn Adham. Bahagian ini akan memberi fokus kekerapan tertinggi yang digunakan dalam teks ini. Data akan dianalisis dan dipaparkan melalui jadual.

Jadual 4: Kekerapan Kata Ganti Nama Diri

Kata Ganti Nama Diri	Kekerapan	Peratus (%)
-nya	341	39%
baginda	112	13%
-ku	86	10%
hamba	85	10%
ia	63	7%
aku	44	5%
tuan hamba	31	4%
patik	29	3%
engkau	23	3%
tuanku	21	2%
-mu	12	1%
kita	9	1%
daku	5	1%
mereka	4	0%
patik sekalian	1	0%
raja sekalian	1	0%
JUMLAH	878	100%

Berdasarkan jadual kekerapan di atas, pengkaji mendapati bahawa penggunaan kata “-nya” memiliki kekerapan yang tertinggi penggunaannya dalam Hikayat Sultan Ibrahim Ibn Adham. Kata ini memberikan maksud sebagai -nya iaitu kepunyaannya pada sudut pandang orang ketiga. Setiap ayat yang ditulis dalam hikayat ini berakhiran dengan kata -nya. Hal ini juga memperlihatkan bahawa penggunaan kata -nya ini banyak digunakan dalam teks hikayat lama. Kata kedua tertinggi ialah ‘baginda’ yang merupakan KGND 3. Kepenggunaan ini menunjukkan kedua tertinggi kerana teks hikayat adalah berdasarkan kepada hikayat Sultan. Penggunaan kata ‘baginda’ kerap kali digunakan kerana rakyat di dalam hikayat ini menggantikan nama Sultan kepada ‘baginda’ dalam perbualan. KGND 1 menjadi kekerapan ketiga tertinggi iaitu -ku dan hamba. ‘-ku’ yang merupakan variasi kepada aku menjadi salah satu kata tertinggi kerana kepenggunaannya merujuk kepada kepunyaannya pada sudut pandang pertama dalam konteks perbualan manakala hamba merupakan rujukan apabila orang biasa menggelarkan dirinya apabila berbicara di hadapan

dengan golongan tertinggi seperti raja. Penggunaan patik sekalian, raja sekalian dan mereka mencatat kekerapan terendah yang mana masing-masing terdiri daripada KGND 1 dan KGND 3. Ketiga-ketiga kata ini merujuk kepada penggunaan KGND jamak. Kekerapan ini terendah kerana kurang digunakan kerana dalam teks hikayat ini kebanyakan konteks perbualan dan jalan cerita lebih terarah kepada sudut pandang pertama. Oleh itu, kekerapan yang telah dianalisis telah memperlihatkan kata ‘-nya’, ‘baginda’, ‘-ku’ dan ‘hamba’ menjadi kekerapan yang tertinggi dalam hikayat Sultan Ibrahim Ibn Adham.

5. Rumusan dan Cadangan

Penggunaan Kata Ganti Nama Diri ini merupakan suatu kajian yang amat menarik dalam meneliti aspek kata ganti nama diri berdasarkan kajian teks hikayat lama. Berdasarkan kajian dibuat, pengkaji dapati bahawa bentuk kata ganti nama diri terdiri daripada tiga iaitu pertama, kedua dan ketiga dan analisis kekerapan yang telah membuktikan bahawa kata ‘-nya’ mempunyai kekerapan tertinggi iaitu sebanyak 39% dan kita juga dapat melihat variasi kata yang sama seperti ‘-nya’ mempunyai makna dan rujukan yang berbeza iaitu ‘-nya’ yang pertama merujuk kepada KGND yang bermaksud miliknya pada sudut pandang ketiga dan ‘-nya’ yang kedua merujuk kepada gelaran khusus yang diberikan kepada Tuhan. Pengkaji juga dapat melihat bahawa KGND ini juga terbahagi kepada mufrad dan jamak. Lantaran itu, pengkaji berhasrat mencadangkan beberapa saranan pada masa hadapan terutama dalam teks hikayat lama iaitu dengan mengkaji lebih banyak teks hikayat lama.

Seterusnya, kajian masa hadapan terutama dalam teks hikayat ini perlu dipergiatkan kerana penggunaan setiap hikayat mempunyai asas bentuk KGND yang sama namun mungkin pada kajian teks lain menunjukkan bentuk KGND yang berbeza kerana teks hikayat ini kurang diteliti dalam kajian analisis teks.

Akhir sekali, pengkaji juga berharap agar analisis teks hikayat ini boleh dianalisis daripada bidang bahasa lain seperti sosiolinguistik dan pragmatik memandangkan data ini boleh digunakan dalam kajian berdasarkan taraf sosial dan deiksis sosial yang dapat menghasilkan sebuah penulisan yang menarik pada masa akan datang.

Rujukan

- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khadijah. 2013. Hikayat Indra Budiman Telaah Nilai-Nilai Religius (Kajian Hermeneutika). *Jurnal Metamorfosa* 1(2): 22-32
- Maslida Yusof. (2018). Trend Ganti Nama Diri Bahasa Melayu dalam Konteks Media Sosial. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 34(2): 36-50
- Mohd Yusof Md. Nor. (2016). *Antologi Enam Hikayat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Nur Syaidah Pujaman. (2021). *Pemerolehan Aspek Fonologi Kanak-kanak Berusia Empat Tahun*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tan Tiam Lai & Norul Haida Redzuan. (2013). Kata Ganti Nama Diri Orang dalam Bahasa Cina dan Bahasa Melayu: Satu Analisis Kontrastif. *PENDETA* 4: 162-179.